

20/09/1997

Kuasa besar enggan haram periuk api dibidas

KUALA LUMPUR, - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas kuasa-kuasa besar yang menolak percubaan mengharamkan periuk api.

Tanpa menyebut nama kuasa besar itu, beliau berkata mereka masih mahu mencipta, memperbaiki, menguji dan menjual senjata termasuk periuk api yang lebih baik.

"Nampaknya seperti sesetengah orang berpendapat, dunia memerlukan cara yang lebih murah untuk membunuh," katanya pada ucaptamanya mengenai 'Malaysia Dalam Alaf Akan Datang: Cabaran Bagi Generasi Baru' di perjumpaan Alumni Universiti Malaysia, di sini.

Di Oslo Rabu lalu, kira-kira 100 negara mengakhiri mesyuarat dua minggu dengan meluluskan draf akhir perjanjian untuk membebaskan dunia daripada periuk api yang membunuh dan mencederakan kira-kira 26,000 manusia setahun.

Perjanjian itu ditandatangani di Ottawa, Kanada Disember ini.

Amerika Syarikat masih terkeluar daripada perjanjian itu selepas Presiden Bill Clinton berkata, keutamaan pertamanya ialah melindungi askar Amerika yang katanya gagal dimasukkan dalam perjanjian itu.

Dr Mahathir berkata, berjuta periuk api yang bertaburan di seluruh dunia membunuh dan mencedera mangsa tidak berdosa lama selepas perang tamat.

Pakar berpendapat, sementara perjanjian itu akan menghentikan penggunaan periuk api, AS\$33 bilion (RM99 bilion) dan 11 abad, pada kadar sekarang, diperlukan untuk memusnahkan 110 juta periuk yang bertaburan di 64 negara di seluruh dunia.

Perdana Menteri juga melahirkan kebimbangan mengenai perlumbaan senjata yang masih berterusan walaupun Perang Dingin sudah berakhir.

"Senjata baru yang lebih canggih masih terus dicipta, diuji dan dikeluarkan untuk angkatan tentera yang bersaing antara satu dengan lain untuk menunjukkan kecanggihan keupayaan mereka untuk membunuh.

"Sekiranya tidak ada musuh untuk dilawan sekarang, musuh masa depan dikenal pasti bagi menghalalkan penggunaan wang yang banyak untuk penyelidikan, pembangunan dan pengeluaran senjata," kata beliau.

Bagi mendapat pulangan daripada pelaburan yang besar dalam pengeluaran senjata, negara kecil dipujuk membelinya.

(END)